

NURUL HASLIANA BINTI HAMSAWI SITI SALWANI BINTI ABDULLAH

Webinar Lunch, Learn & Grow Work Based Learning telah diadakan pada 25 Mei 2022 bermula pada pukul 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari melalui pelantar Zoom Meeting. Webinar dianjurkan oleh Unit Jaminan Kualiti & Akreditasi, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan. Seramai 55 orang peserta yang terdiri daripada warga akademik UMK telah menghadiri seminar tersebut. Webinar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pemahaman berkenaan konsep Work Based Learning (WBL). Webinar ini memberi tumpuan kepada ciri-ciri serat struktur kursus yang perlu ada dengan mengguna pakai elemen WBL. Berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada webinar tersebut, hampir keseluruhan peserta menunjukkan penerimaan yang baik sepanjang perkongsian ini dijalankan. Semoga webinar ini dapat dimanfaatkan dengan baik oleh semua peserta yang hadir khususnya warga akademik yang sedang menjalankan proses semakan kurikulum dan pembangunan program akademik baru bagi menyediakan kursus yang lebih fleksibel bersetujuan dengan elemen WBL yang perlu diterapkan sebagaimana digariskan oleh Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Baru Universiti Awam.

